

Bukti kejayaan Dasar Ekonomi Baru

UM - 3 MAY 1977

KULIM, 2 Mei — Timbalan Perdana Menteri, (Dr. Mahathir Mohamad berkata bukti kejayaan Dasar Ekonomi Baru ialah terdapatnya hampir tiga suku pelajar di universiti-universiti pada masa ini adalah berasal dari luar bandar.

Beliau menerangkan bahawa meningkatnya bilangan pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi adalah salah satu tujuan DEB untuk menyusun semula masyarakat.

Katanya, matlamat akhir dasar itu ialah tidak ada lagi kaum-kaum dikenali dengan jenis pekerjaan yang dilakukan dan untuk mencapainya kegiatan ekonomi moden mestilah sampai kepada orang di luar bandar.

Berucap merasmikan bangunan Sekolah Kebangsaan Junjung di sini petang ini, Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran berkata untuk mencapai matlamat dasar tiap rakyat mesti sanggup menyumbangkan buah fikiran, tenaga, wang ringgit malah jiwa raga apabila diperlukan.

"Sikap memulangkan segala tanggungjawab untuk memajukan negara kepada kerajaan semata-mata tidaklah wajar dalam sesebuah negara yang merdeka", tambahnya.

Beliau menyeru para ibubapa menentukan anak-anak mereka lebih berjaya dalam pelajaran masing-masing. Ini sesuai kerana pelajaran merupakan salah satu jalan bagi meninggikan pendapatan individu.

Hampir
tiga suku
pelajar
di varsiti²
dari desa
— Dr. M

"Seseorang yang berpelajaran tinggi mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk mendapat pekerjaan lebih baik; dan pekerjaan yang lebih baik memberi pendapatan yang lebih tinggi," katanya.

Kementerian Pelajaran memandang berat terhadap pelajaran yang bermutu dan sedang meningkatkan bilangan guru yang dilatih dan jumlah guru semua jenis yang mula menerima latihan ialah hampir 10,000 orang.

Sebelum itu ketika merasmikan sidang perwakilan UMNO Bahagian Padang Serai, Dr. Mahathir berkata kekuatan UMNO adalah bergantung kepada perpaduan ahli-ahli dan kedudukan kewangan yang kukuh.

Sambil mengingatkan ahli-ahli UMNO perlu memberi sumbangan bagi mengukuhkan perbelanjaan UMNO, beliau berkata: "UMNO tidak akan menerima sumbangan dari golongan yang



Dr. Mahathir Mohamad

bertujuan hendak mengongkang parti."

Beliau berkata UMNO akan dapat mengumpul sejumlah \$400,000 sebulan kalau tiap orang dari 400,000 orang ahli dapat memberi sumbangan \$1 sebulan.

"Kalau cuma 300,000 orang ahli memberi sumbangan seperti itu UMNO mampu mengumpul \$3.6 juta setahun dan \$18 juta dalam tempoh lima tahun," tambahnya.

Menurut Dr. Mahathir pada masa ini ahli-ahli UMNO hanya membayar yuran \$1 setahun dan yuran itu pula dibahagikan 50 sen kepada cawangan, 25 sen kepada bahagian dan 25 sen kepada ibupejabat.

Dengan ini Ibu Pejabat UMNO hanya dapat mengumpulkan kira-kira \$100,000 setahun sedangkan perbelanjaan termasuk pentadbiran, gaji dan elaun pegawai berjumlah kira-kira \$1 juta setahun.